

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 06 Jun 2021 23:35  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Berita Kampus



**UUM Corporate Comm.**

**Universiti Utara Malaysia**

6 JUN 2021 / 25 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

**UUM ONLINE:**

## RM1000 untuk Video Pendek



Oleh: Samsudin Oli Mohamed

### HASILKAN VIDEO PENDEK PALESTIN DAN MENANGI RM1000

Sintok – Pelajar sekolah dan orang ramai berpeluang untuk menangi wang tunai berjumlah RM1000 yang ditawarkan oleh Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) Kubang Pasu dengan menghasilkan video bertema Palestin, Kami Sentiasa Bersamamu.

Pengarah Pusat Islam UUM Prof Madya Dr Ismail Ishak berkata, tiga kategori dipertandingkan untuk pertandingan ini iaitu kategori umum, sekolah rendah dan menengah.

Bagi pemenang kategori umum tiga hadiah ditawarkan iaitu RM200 (Johan), RM150 (Naib Johan) dan RM100 untuk tempat ketiga.

Manakala Johan kategori sekolah rendah pula ditawarkan wang tunai RM100 (Johan), RM80 (Naib Johan) dan tempat ketiga RM50.

“Kami juga menawarkan hadiah misteri kepada penyertaan terbanyak bagi kategori sekolah selain daripada RM150 kepada pemenang pertama, RM100 kedua dan RM50 bagi pemenang ketiga kategori sekolah menengah,” kata beliau ketika dihubungi.



**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK PALESTIN**  
 TEMA: PALESTIN, KAMI SENTIASA BERSAMAMU

TARIKH PENYERTAAN  
 30 MEI 2021  
 SEHINGGA  
 13 JUN 2021

TERBUKA KEPADA :

|                                                                                                             |                                                                                                                     |                                                                                                                        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>• Kategori Umum</p> <p>JOHAN: RM200<br/>         NAIB JOHAN: RM150<br/>         TEMPAT KETIGA: RM100</p> | <p>• Kategori Sekolah Rendah</p> <p>JOHAN: RM100<br/>         NAIB JOHAN: RM80<br/>         TEMPAT KETIGA: RM50</p> | <p>• Kategori Sekolah Menengah</p> <p>JOHAN: RM150<br/>         NAIB JOHAN: RM100<br/>         TEMPAT KETIGA: RM50</p> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

ANJURAN BERSAMA:

Pusat Islam UUM, IKRAM KUBANG PASU

SEBARANG PERTANYAAN:  
 Pn. DAKINA 04 928 2559 / Cik FATHENAH 010-2909 752  
 019-772 6487

Sementara itu Pengarah program Pertandingan Video Pendek Palestin Ustaz Mohd Yusnaldi Md Sabri berkata, penyertaan terbuka kepada semua peserta mengikut kategori diatas dan tarikh tutup penyertaan ialah 13 Jun 2021.

Semua penyertaan adalah percuma dan setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan manakala penyertaan secara berkumpulan pula tidak melebihi tiga peserta.

“Setiap video yang dihasilkan berdurasi tidak melebihi tiga minit dan bertema ‘Palestin, Kami Sentiasa Bersamamu’,” ujarnya lagi.

Dalam pada itu elemen drama, animasi, sketsa, komedi dan dokumentari juga perlu mempunyai nilai kebersamaan yang mewakili Malaysia seperti bendera jalur gemilang, Masjid al-Aqsa, solidariti Malaysia dan yang berkaitan dalam menghasilkan video dalam bahasa melayu atau bahasa inggeris dalam format AVI, WMV, MOV, FLV dan MP4.

Peserta yang ingin menyertai pertandingan ini boleh menghubungi talian 0103909752 (Fathenah) dan 0197729487 (Dakina) untuk mendapatkan syarat lanjut penyertaan ini atau boleh akses melalui pautan berikut:- <https://form.jotform.me/211460903129449>.





 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.